

## PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-22

Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior

### Kuliah Maghrib kali ke-106

#### **IMAM MALIK (PENGASAS MAZHAB HANBALI)**

Menurut riwayat, Khalifah Abu Ja'far Al-Mansur melarang Imam Malik daripada meriwayatkan hadith tentang talak daripada orang yang dipaksakan. Kemudian Abu ja'far mengancam orang yang bertanyakan hal itu kepada Imam Malik. Lalu Imam Malik menyambut ancaman tadi dengan meriwayatkan di muka umum hadith Nabi yang menerangkan bahawa tidak jatuh talak orang yang dipaksa. Maka khalifah menyuruh pukul Imam Malik dengan cemeti, tetapi dia terus meriwayatkan hadith itu.

Tentang zuhudnya Imam Malik menghadapi dunia, dibuktikan oleh riwayat bahawa Khalifah Al-Mahdi bertanya kepada Imam Malik :  
“Adakah tuan memiliki rumah?”  
“Tidak ada,” jawab Imam Malik.

Khalifah Harun Ar-Rasyid bertanya kepada Imam Malik : “*Adakah tuan mempunyai rumah?*”

“Tidak ada,” jawabnya.

Lalu Harun Ar-Rasyid menganugerahkan wang 3,000 dinar kepada Imam Malik seraya mengatakan : “*Belilah rumah dengan wang ini.*” Imam Malik mengambil wang itu tetapi tidak dibelinya rumah.

Ketika Harun Ar-Rasyid ingin bertambah terkenal, lalu mengatakan kepada Imam Malik : “*Sayugialah tuan pergi bersama-sama kami. Aku bercita-cita membawa perhatian manusia kepada kitab Al-Muwatta', sebagaimana Khalifah Uthman membawa perhatian manusia kepada Al-Quran.*”

Imam Malik menjawab : “Adapun membawa manusia kepada kitab Al-Muatta’, tidak ada jalan kepadanya kerana para sahabat Rasulullah saw sudah bertebaran ke segenap negeri sesudah wafatnya, lalu mereka memperkatakan hadith. Maka setiap penduduk negeri ada ilmunya. Nabi saw pernah mengatakan :

**“Perbezaan pendapat umatku adalah satu rahmat.”** (Baihaqi, sanad dhaif)

Bahawa Imam Asy-Syafi’i menerangkan : “Aku melihat di pintu tempat tinggal Imam Malik seekor kuda Khurasan, namanya ‘Misr’. Aku belum pernah melihat kuda secantik itu. Lalu aku mengatakan kepadanya : “Alangkah cantiknya kuda ini!”

Maka beliau menjawab : “Kuda ini hadiah aku kepada kamu wahai Abu Abdullah.”

Maka aku menjawab : “Biarlah kuda ini untuk tuan hamba, menjadi tunggangan tuan hamba sendiri.”

Imam Malik menyambung : “Aku malu kepada Allah Ta’ala memijak tanah dengan kuku kuda di mana di dalamnya dikuburkan Nabi Allah saw.”

Lihatlah betapa kemurahan hati Imam Malik dengan menyerahkan semuanya itu sekaligus dan betapa penghormatannya kepada tanah Madinah.

**“Madinah ini lebih baik bagi mereka seandainya mereka mengetahuinya.”** (Bukhari, Muslim)

**“Madinah itu menghilangkan kotorannya seperti penempaan menghilangkan kotoran besi.”** (Bukhari, Muslim)

Kata Imam Malik kepada Khalifah Harun Ar-Rasyid : “Sesungguhnya ilmu itu adalah seumpama wang keluar daripadamu. Jikalau engkau muliakan, maka mulialah dia dan jika engkau hinakan, maka hinalah dia. Ilmu itu didatangi dan tidak mendatangi.”

## **IMAM ABU HANIFAH (PENGASAS MAZHAB HANAFI)**

Menurut cerita Hammad bin Abi Sulaiman, adalah Imam Abu Hanifah menghidupkan seluruh malamnya dengan ibadah. Menurut riwayat yang lain, dia menghidupkan setengah malam dengan ibadah.

Pada suatu hari, Imam Abu Hanifah lalu di jalan besar. Lalu orang menunjuk kepadanya yang sedang berjalan kaki, dengan mengatakan kepada orang lain : *“Itulah dia orang yang menghidupkan seluruh malamnya dengan ibadah.”*

Maka sentiasalah sesudah itu dia menghidupkan seluruh malamnya dengan ibadah dan mengatakan : *“Aku malu kepada Allah SWT disebutkan tentang ibadahku yang tidak sebenarnya.”*

Mengenai zuhudnya, diriwayatkan dari Ar-Rabi' bin 'Ashim yang mengatakan : *“Aku diutus oleh Yazid bin Umar bin Hubairah. Maka aku datang menjumpai Abu Hanifah. Yazid mahu mengangkat Abu Hanifah menjadi pengurus baitul mal. Dia menolak lalu dipukul 20 kali.”* Lihatlah bagaimana dia lari dari pangkat dan bersedia menanggung azab sengsara.

Imam Hanafi meninggalkan pesanan kepada anaknya : *“Apabila aku mati nanti dan aku sudah dikuburkan, ambillah dirham yang puluhan ribu ini dan bawalah kepada Al-Hasan bin Quthubah dan katakan kepadanya : “Ambillah barang simpanan engkau yang engkau simpan pada Abu Hanifah.”*

Kata Syuraik An-Nakha'i : *“Adalah Abu Hanifah seorang pendiam, selalu berfikir dan sedikit berbicara dengan manusia.”*

## **RINGKASAN KULIAH MINGGU INI**

Bukti keikhlasan Imam Malik ialah dia sanggup dicemeti kerana terus mengajar hadith tentang talak orang yang dipaksakan walaupun dilarang oleh khalifah.

Bukti kezuhudan Imam Malik ialah dia tidak mempunyai rumah walaupun dia mampu memilikinya.

Bukti kefahamannya akan kepentingan umat ialah dia tidak bersetuju kitabnya dijadikan satu-satunya rujukan rasmi umat Islam.

Kita mestilah memuliakan ilmu dengan merendah diri mendatanginya walau sebesar manapun taraf diri kita di dunia ini.

Imam Abu Hanifah (Imam Hanafi) menghidupkan seluruh malamnya dengan hal ehwal agama.

Bukti kezuhudan Imam Hanafi ialah dia sanggup dipukul 20 kali kerana menolak jawatan pengurus Baitul Mal.

Watak Imam Hanafi yang jelas ialah :

1. Pendiam
2. Selalu berfikir
3. Sedikit berbicara dengan manusia.

## **MAKLUMAN**

Anda terlepas kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas? Usah khuatir!

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini sudah ada **131 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 32 fail video. Selamat mengambil manfaat.

## **ISI KULIAH MINGGU LEPAS**

### **Apakah antara ciri orang ‘alim?**

1. Ada ilmu.
2. Menyampaikan ilmu yang dia ada.
3. Cari ilmu-ilmu yang lain (maksudnya kena tahu beberapa bidang ilmu).

### **Apakah maksud mengharapkan Wajah Allah Ta’ala?**

Maksud sebenarnya tidak tercapai untuk disampaikan dalam bahasa manusia atau mana-mana makhluk. Untuk mengelakkan daripada orang awam tersalah faham, maka para ulama mentakwilkannya. Antara takwilnya ialah mengharapkan keredhaan Allah. Maksudnya melakukan sesuatu dengan benar-benar ikhlas.

Imam Ahmad bin Hanbal (pengasas Mazhab Hanbali) mendoakan gurunya Imam Syafi’i selama 40 tahun.

Imam Ahmad juga mengatakan Imam Syafi’i ibarat matahari bagi manusia (maksudnya penyuluhan keagamaan dan keselamatan bagi manusia) dan kesihatan bagi manusia (maksudnya sangat-sangat diperlukan).

### **Bagaimanakah cara untuk kita mendapat doa orang ramai?**

Jadilah orang yang soleh, kerana orang yang soleh didoakan dalam tahiyyat.

### **Apakah 5 ‘pakaian’ para ulama mazhab?**

1. ‘Abid
2. Zahid
3. ‘Alim
4. Faham tentang kemaslahatan (kepentingan) umat di dunia.
5. Ikhlas.

Yang diikuti sebahagian ulama fiqh zaman ini hanyalah ‘alimnya sahaja.

**Bolehkah kita ‘membesarkan’ sunnah-sunnah Rasulullah sebagaimana Imam Malik?**

Boleh.

**Adakah ia satu tuntutan?**

Tidak.

**Dapat pahalakah buat begitu?**

Kita buat bukan kerana untuk dapat pahala. Tetapi kerana kecintaan kepada Rasulullah dan sunnah-sunnahnya. Tidak dapat pahala pun tidak mengapa, asalkan tidak berdosa.

